A

Noi Fatt @ Noi Kwan Sum lwn Huap Sing Trading Sdn Bhd dan lain-lain

B MAHKAMAH TINGGI (IPOH) — PETISYEN NO 28–70 TAHUN 2004
MOHD AZMAN HUSIN H
9 FEBRUARY 2007

C *Acara Sivil — Deklarasi — Permohonan untuk — Sama ada cara permohonan yang betul digunakan — Akta Relif Spesifik 1950 s 41*

D *Syarikat dan Korporat — Mesyuarat-mesyuarat — Notis — Notis mesyuarat yang singkat dan tidak mengikut peruntukan di dalam artikel 55 — Sama ada notis mesyuarat tersebut adalah sah*

E *Syarikat dan Korporat — Pengarah-pengarah — Mesyuarat — Sama ada perlantikan peguam baru oleh lembaga pengarah dalam mesyuarat lembaga pengarah adalah sah — Sama ada responden ketiga selaku Pengarah Urusan syarikat mempunyai autoriti tersurat dan tersirat untuk bertindak*

F Pempetisyen dalam tindakan ini telah memfailkan satu permohonan melalui saman dalam kamar (lampiran 64) untuk perintah-perintah iaitu (1) bahawa mesyuarat pengarah-pengarah bagi syarikat responden pertama yang telah diadakan pada 26 Mei 2005 diisytiharkan sebagai batal dan tidak sah; (2) bahawa resolusi yang diluluskan pada mesyuarat pengarah-pengarah bagi syarikat responden pertama diisytiharan sebagai batal dan tidak sah; bahawa peguambela dan peguamcara dalam rekod iaitu Tetuan Kean Chye & Sivalingam tidak diberi autoriti secara sah untuk bertindak bagi pihak responden pertama dan dengan itu adalah tidak layak untuk mewakili syarikat responden pertama. Permohonan pempetisyen ini telah dibantah oleh kesemua responden. Di perbicaraan lampiran 64 tersebut, peguamcara pempetisyen telah berhujah bahawa: (1) pempetisyen boleh memfailkan saman dalam kamar dalam Bahasa Inggeris berdasarkan Akta Syarikat 1965 dan Kaedah-Kaedah Penggulungan Syarikat 1972; (2) pelantikan Tetuan Kean Chye & Sivalingam untuk mewakili responden pertama adalah tidak sah; (3) responden-responden telah cuba mengesahkan perlantikan peguamcara baru itu melalui mesyuarat Lembaga Pengarah pada 26 Mei 2005 dan notis bertarikh 18 Mei 2005; (4) notis mesyuarat itu tidak sah kerana tidak mengandungi butir-butir agenda mesyuarat dan bahawa notis tersebut adalah singkat, iaitu lapan hari dan bukannya 14 hari yang sepatutnya seperti yang diperuntukkan oleh artikel 55 Syarikat; (5) permohonan lampiran 64 tersebut adalah bermerit; dan (6) responden telah bertindak tanpa autoriti. Sebagai balasan kepada hujahan peguamcara pempetisyen pula, peguamcara responden telah berhujah bahawa; (1) Lampiran 64 melanggar peruntukan A 92 k 1 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, s 8 Akta Bahasa

Kebangsaan 1972 dan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan; (2) Perlantikan Peguamcara baru iaitu Tetuan Kean Chye & Sivalingam oleh Pengarah Urusan Syarikat yang berkuatkuasa pada 1 April 2005 adalah sah, di mana ianya telah disahkan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 26 Mei 2005 melalui notis mesyuarat bertarikh 18 Mei 2005; (3) tempoh notis dan Agenda Mesyuarat adalah memadai dalam keadaan tertentu; dan (4) Pengarah Urusan responden ketiga mempunyai autoriti tersirat dan bahawa responden ketiga dan responden kedua merupakan pemegang saham majoriti, di mana tindakan responden ketiga telah disokong oleh responden kedua.

Diputuskan, permohonan ditolak dengan kos:

(1) Sesuatu permohonan deklarasi sepatutnya dibuat melalui notis atau saman pemula (perenggan 7).

(2) Perlantikan peguam baru oleh Lembaga Pengarah dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah bertarikh 26 Mei 2005 adalah sah. Tambahan pula, responden ketiga bertindak sebagai Pengarah Urusan yang menjalankan bisnes harian syarikat. Beliau mempunyai autoriti tersurat dan tersirat. Tindakan responden ketiga juga disokong oleh responden kedua, seorang lagi Pengarah Syarikat yang merupakan pemegang saham majoriti syarikat (kes *Syawal Enterprise Sdn Bhd & Anor v Dayadiri Sdn Bhd* [1990] 3 MLJ 239 dan *Dr Mahesan & Ors v Ponnusamy & Ors* [1994] 3 MLJ 312 diikuti) (perenggan 8).

(3) Responden ketiga sebagai Pengarah Urusan mempunyai autoriti tersirat bertindak demi kebaikan syarikat (kes *Avel Consultant Sdn Bhd & Anor v Mohd Zain Yusoff SB 2 Ors* [1984] 2 CLJ 169 diikuti) (perenggan 8).

(4) Notis Mesyuarat yang singkat enam hari daripada yang sepatutnya selama 14 hari, seperti yang diperuntukkan oleh Artikel 55 tidak begitu ketara dan boleh dimaafkan. Notis lapan hari tersebut sudah memadai (kes *Browne v La Trinidad* (1888) 37 Lh. Dl dirujuk) (perenggan 9).

(5) Notis diberi pada 18 Mei 2005 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan pada 26 Mei 2005. Dalam notis itu juga telah dinyatakan agenda mesyuarat. Mahkamah memberi kelonggaran dan memberi interpretasi yang liberal (perenggan 9).

[English summary

Petitioner in the present action had filed an application vide summons in chambers (encl 64) for orders namely: (1) that the directors' meeting for first respondent's company which was held on 26 May 2005 be declared as null and void; (2) that the resolutions passed during director's meeting for first respondent's company be declared null and void; that Advocates and Solicitors on record ie Messrs Kean Chye & Sivalingam had no valid authority to act for and therefore was not qualified to represent first respondent's company. Petitioner's application was opposed by all the respondents. On hearing of the said encl 64, counsel for the petitioner submitted that: (1) petitioner could file summons in chambers in English language based on the Companies Act 1965 and Companies Winding Up Rules 1972; (2) the appointment

of Messrs Kean Chye & Sivalingam to represent first respondent was deemed void; (3) respondents attempted to verify the appointment of new counsel vide Board of Directors meeting held on 26 May 2005 and notice dated 18 May 2005; (4) the meeting notice was deemed void because it did not contain particulars agenda of the meeting and that the said notice was too short, ie eight days and not 14 days which it supposed to be pursuant to article 55 of the company; (5) the said encl 64 application was meritable in nature; and (6) respondent acted without authority. In reply to the submission by the petitioner's counsel, respondent's counsel submitted that (1) Enclosure 64 was in breach of provision of O 92 r 1 of the Rules of the High Court 1980, s 8 of the National Language Act 1972 and art 152 of the Federal Constitution; (2) the appointment of Messrs Kean Chye & Sivalingam by the Company Managing Director with effect from 1 April 2005 was valid, where it was approved by the Board of Directors meeting on 26 May 2005 via meeting notice dated 18 May; (3) the duration of the notice and meeting was sufficient on certain circumstances; and (4) the third respondent who is a Managing Director had implied authority and the second and third respondents were majority shareholders which the third respondent's act was fully seconded by the second respondent.

Held, dismissing application with costs;

(1) Any declaratory application is supposed to be made via notice or originating summons (see para 7).

(2) The new appointment of counsel by the Board of Directors in the Board of Directors meeting dated 26 May 2005 was valid. In addition, the third respondent acted as Managing Director who conducted the company's daily business. He had express as well all implied authorities. The third respondent's act was seconded by the second respondent, who was also a company Director which was a majority shareholder in the company (see para 8); *Syawal Enterprise Sdn Bhd & Anor v Dayadiri Sdn Bhd* [1990] 3 MLJ 239 dan *Dr Mahesan & Ors v Ponnusamy & Ors* [1994] 3 MLJ 312 followed.

(3) The third respondent as a managing director had an implied authority to act in the best interest of the company (see para 8); *Avel Consultants Sdn Bhd & Anor v Mohamed Zain Yusof & Ors* [1985] 2 MLJ 209 followed.

(4) The six days short notice of meeting from the original 14 days, as provided in Article 55 was not too obvious and could be forgiven. The eight days notice should be sufficient enough (see para 9); *Browne v La Trinidad* (1888) 37 Lh Dl referred.

(5) The notice was given on 18 May 2005 and the Board of Director's meeting was held on 26 May 2005. In that notice also it mentioned about the meeting agenda. This court has given room for relaxation and has given liberal interpretations (see para 9).]

Nota-nota

Untuk kes-kes permohonan untuk deklarasi, lihat 2(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan 2303–2329.

Untuk kes-kes mesyuarat pengarah-pengarah, lihat 3(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan 287–289.

Untuk kes-kes yang dirujuk

Avel Consultants Sdn Bhd & Anor v Mohamed Zain Yusof & Ors [1985] 2 MLJ 209 (folld)
Browne v La Trinidad (1888) 37 ChD 1 (refd)
Dr Mahesan & Ors v Ponnusamy & Ors [1994] 3 MLJ 312 (folld)
Eastern Resourses of Austate Ltd v Glass Reinforced Products (GRP) Pry Ltd 10 ACCL 496 (refd)
Hup Seng Co Ltd v Chin Yin & Ors [1962] 28 MLJ 371 (refd)
Marshall's Valve Gear Co Ltd v Manning, Wardle & Co Ltd [1909] 1 Ch 267 (refd)
LY Swee & Co Ltd Khoo Leong Kee Re v LY Swee 85 Co Ltd [1968] 2 MLJ 104 (refd)
Sarawak Building Supplies Sdn Bhd v Director of Forests & Ors [1991] 1 MLJ 211 (refd)
Syawal Enterprise Sdn Bhd & Anor v Dayadiri Sdn Bhd [1990] 3 MLJ 239 (folld)
Thong Guan Co (Pte) v Lam Kong Co Ltd (No 2) [1988] 7 MLJ 720 (refd)
United Investments 85 Finance Ltd v Fee Chin Yong & Ors [1967] 1 MLJ 31 (refd)
Yugen (M) Sdn Bhd v Lin Kee Yi & Anor (32) MD3 (refd)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Bahasa Kebangsaan s 8
Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 92 k 1
Kaedah-Kaedah Penggulungan Syarikat 1972
Perlembagaan Persekutuan perkara 152
Akta Relif Spesifik 1950 s 41

Roshan Kumar bagi pihak pempetisyen.
Ravinder Singh bagi pihak responden.
Tuan Haji Suhaibudeen bagi pegawai penerima.

Mohd Azman Husin H:

[1] Dalam kes ini, pempetisyen memfailkan saman dalam kamar lampiran 64 untuk perintah:

(1) that the directors' meeting of the first respondent company abovenamed held on 26 May 2005 be declared null and void;

(2) that the resolution passed at the director's meeting of the first respondent company on 26 May 2005 be declared null and void;

(3) that the Advocates and Solicitors on record, Messrs Kean Chye & Sivalingam were never properly authorized to act on behalf of the first respondent company and are thereby disqualified from representing the first respondent company;

(4) that all proceedings in respect of the petition herein be stayed pending the outcome of this summons in chambers;

(5) that the costs and incidental to this application and for all documents filed herein by Mesrs Kean Chye & Sivalingam and in response by the petitioner thereto be borne by the second and third respondents and their solicitors personally.

ALASAN-ALASAN UTAMA PERMOHONAN ANTARANYA

(1) Peguamcara dalam rekod yang asal ialah Tetuan Rosnah Loh & Ng. Peguamcara sekarang Tetuan Kean Chye & Sivalingam direkodkan pada 5 April 2005 berdasarkan notis penukaran peguamcara pada 5 April 2005.

(2) Peguamcara sekarang tidak secara sah dilantik untuk bertindak bagi pihak responden satu kerana pada tarikh notis penukaran peguamcara pada 5 April 2005, responden satu tidak meluluskan apa-apa resolusi untuk melantik peguamcara sekarang.

(3) Responden dua dan tiga cuba memberi peguamcara sekarang dengan beberapa autoriti untuk bertindak bagi pihak responden satu dengan mengadakan Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 26 Mei 2005 di mana ia adalah tidak betul dan tidak sah.

(4) Resolusi bertarikh 26 Mei 2005 tidak boleh mengesahkan perlantikan peguamcara sekarang yang tidak sah kerana ia tidak ada autoriti.

(5) Setakat ini, peguamcara sekarang tidak diberi kuasa yang sah untuk bertindak bagi pihak responden satu di mana resolusi itu yang batal dan tak sah tidak dapat memberi autoriti yang sah.

(6) Peguamcara sekarang yang datang dalam rekod pada 5 April 2005 melalui notis penukaran peguamcara bertarikh 5 April 2005 sedar mereka tidak diberi autoriti untuk bertindak bagi pihak responden satu. Tetapi mereka terus bertindak mewakili responden satu seolah-olah mereka dilantik secara sah oleh responden satu.

(7) Kesemua responden gagal memberi agenda lengkap mengenai mesyuarat dan tindakan Pengarah Urusan adalah tidak sah seperti yang diminta oleh pempetisyen.

(8) Mesyuarat yang diadakan pada 26 Mei 2005 adalah notis yang singkat dan tidak cukup kerana notis itu bertarikh 18 May 2005.

(9) Responden ketiga, Ngai Kui Fa tidak diberi kuasa untuk melantik peguamcara bagi pihak responden satu.

[2] Kesemua responden membantah permohonan saman dalam kamar lampiran 64 ini atas alasan:

(1) Lampiran 64 difailkan bertentangan dengan A 92 k 1 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi, s 8 Akta Bahasa Kebangsaan dan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan.

(2) Permohonan deklarasi sepatutnya dibuat melalui writ saman atau saman pemula dan bukan saman dalam kamar.

(3) Responden kedua dan ketiga adalah pemegang saham majoriti responden iaitu 66.7% pemegang saham syarikat.

(4) Responden ketiga adalah Pengarah Urusan responden satu dan responden kedua adalah salah seorang daripada Pengarah-pengarah Syarikat.

(5) Responden ketiga telah menguruskan pengendalian syarikat itu sejak dilantik pada 18 September 2004 sehingga kini.

(6) Pempetisyen mempunyai niat mala fide kerana selepas peguamcara lama, Tetuan Roshan Loh Ng & Co memfailkan Afidavit Jawapan bertarikh 23 Mac 2005, peguamcara pempetisyen mengiklankan petisyen penggulungan dalam:

(a) Akhbar *The Star* bertarikh 25 Mac 2005

(b) Akhbar *The New Straits Time* bertarikh 25 Mac 2005 dan

(c) Warta Kerajaan bertarikh 31 Mac 2005 (iklan-iklan itu)

(7) Pempetisyen juga mengarahkan Public Bank Berhad membekukan akaun responden. Public Bank melalui surat bertarikh 17 Mac 2005 dan Maybank Berhad melalui surat bertarikh 9 Mac 2005 membekukan akaun responden. Akibatnya perniagaan Responden hampir lumpuh.

(8) Oleh itu, responden ketiga selaku Pengarah Urusan yang mengendalikan perjalanan syarikat melantik peguamcara baru, Tetuan Kean Chye & Sivalingam dengan persetujuan responden kedua untuk menghidupkan perjalanan perniagaan syarikat dan demi kepentingan syarikat.

(9) Selaras dengan itu, peguamcara baru Tetuan Kean Chye & Sivalingam memfailkan notis penukaran peguamcara. Peguamcara baru telah mengambil tindakan undang-undang yang cepat dan pantas dengan memfailkan Lampiran 24 untuk mengenepikan iklan-iklan itu.

(10) Pada 18 Mei 2002, responden kedua dan ketiga menghantar notis kepada pempetisyen untuk mengadakan Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 26 Mei 2005 iaitu notis 8 hari yang sepatutnya 14 hari.

(11) Pada 26 Mei 2005, Mesyuarat Lembaga Pengarah membuat resolusi yang antara lain:

(i) Mengesahkan perlantikan peguamcara yang baru, Tetuan Kean Chye & Sivalingam;

(ii) Pengarah Urusan responden ketiga mempunyai autoriti melantik peguamcara berkuatkuasa pada 1 April 2005.

(iii) Perlantikan peguamcara oleh Pengarah responden ketiga pada 1 April 2005 adalah untuk menjaga kepentingan syarikat.

PENGHUJAHAN PEGUAM PEMPETISYEN

[3] Pempetisyen boleh memfailkan saman dalam kamar dalam Bahasa Inggeris berdasarkan Akta Syarikat 1965 dan Kaedah-Kaedah Penggulungan Syarikat 1972.

[4] Perlantikan Tetuan Kean Chye & Sivalingam mewakili responden satu adalah tidak sah. Notis penukaran peguamcara bertarikh 5 April 2005 yang difailkan seperti eks A lampiran 65 tidak sah.

[5] Responden-responden cuba mengesahkan perlantikan peguamcara baru itu melalui mesyuarat Lembaga Pengarah pada 26 Mei 2005 dan notis bertarikh 18 Mei 2005 eksh C lampiran 65. Notis mesyuarat itu tidak sah kerana tidak mengandungi butir-butir agenda mesyuarat dan notis adalah singkat iaitu 8 hari yang sepatutnya 14 hari seperti yang diperuntukkan oleh artikel 55 Syarikat. Keputusan kes *Hup Seng Co Ltd v Chin Yin & Ors* [1962] 28 MLJ 371 jelas.

[6] Permohonan lampiran 64 adalah bermerit. Responden bertindak tanpa autoriti. Keputusan kes *Re LY Swee & Co Ltd*, *Khoo Leong Kee v LY Swee 85 Co Ltd* [1968] 2 MLJ 104, *Syawal Enterprise Sdn Bhd & Anor v Dayadiri Sdn Bhd* [1990] MLJ 239, *Sarawak Building Supplies Sdn Bhd v Director of Forests & Ors* [1991] 1 MLJ 211 dan *United Investments Finance Ltd v Fee Chin Yong 8s Ors* [1967] 1 MLJ 31 diikuti.

PEGUAM RESPONDEN PULA BERHUJAH

(1) Lampiran 64 melanggar peruntukan

(a) A 92 k 1 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980;

(b) s 8 Akta Bahasa Kebangsaan 1972; dan

(c) perkara 152 Perlembagaan Persekutuan

(2) Perlantikan peguamcara baru iaitu Tetuan Kean Chye & Sivalingam oleh Pengarah Urusan Syarikat berkuatkuasa 1 April 2005 adalah sah. Ini disahkan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 26 Mei 2005 melalui notis mesyuarat bertarikh 18 Mei 2005.

(3) Keputusan kes *Avel Consultants Sdn Bhd & Anor v Mohd Zain Yusof & 2 Ors* [1984] 2 CLJ 169, *Marshall's Valve Gear Co Ltd v Manning, Wardle & Co Ltd* [1909] 1 Ch 267, *Yugen (M) Sdn Bhd v Lin Kee Yi & Anor*, *Syawal Enterprise Sdn Bhd & Anor v Dayadiri Sdn Bhd* [1990] 3 MLJ 239 memihak kepada responden.

(4) Tempoh notis dan agenda mesyuarat adalah memadai dalam keadaan tertentu.

(5) Kes *Dr Mahesan & Ors v Ponnusamy & Ors* [1994] 3 MLJ 312 mengesahkan notis 5 hari sudah cukup. Agenda yang detail tidak perlu. Ini disokong oleh keputusan kes *Browne v La Trinidad* (1888) 37 ChD 1,*Eastern Resources of Austate Ltd v Glass Reinforced Products (GRP) Pry Ltd* 10 ACCL 496.

(6) Pengarah Urusan responden ketiga mempunyai autoriti tersirat. Responden ketiga adalah Pengarah Urusan Syarikat (responden satu) yang mengendalikan bisnes harian syarikat. Tindakan responden ketiga disokong responden kedua di mana jumlah saham responden kedua dan ketiga dalam syarikat (responden satu) adalah 66.7 peratus. Mereka merupakan pemegang saham majoriti. Keputusan kes *Thong Guan Co (Pte) v Lam Kong Co Ltd (No 2)* [1988] 7 MLJ 720 menyokong fakta ini.

[7] Lampiran 64 adalah saman dalam kamar. Dalam lampiran 64 itu, pempetisyen memohon deklarasi. Sesuatu permohonan deklarasi sepatutnya dibuat melalui notis atau saman pemula. Rujuk s 41 Spesifik Relif Act 1950.

[8] Perlantikan peguam baru oleh Lembaga Pengarah dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah bertarikh 26 Mei 2005 adalah sah. Tambahan pula, responden ketiga bertindak sebagai Pengarah Urusan yang menjalankan bisnes harian syarikat. Beliau mempunyai autoriti tersurat dan tersirat. Tindakan responden ketiga disokong oleh responden kedua dan seorang lagi. Pengarah syarikat yang merupakan pemegang saham majoriti syarikat. Keputusan *Syawal Enterprise Sdn Bhd & Anor v Dayadiri Sdn Bhd* [1990] 3 MLJ 239, *Dr Mahesan & Ors v Ponnusamy & Ors* [1994] 3 MLJ 312 diikuti. Responden ketiga sebagai Pengarah Urusan mempunyai autoriti tersirat bertindak demi kebaikan syarikat seperti yang diputuskan oleh kes *Avel Consultant Sdn Bhd & Anor v Mohd Zain Yusoff SB 2 Ors* [1984] 2 CLJ 169.

[9] Notis Mesyuarat yang singkat enam hari daripada yang sepatutnya selama 14 hari seperti yang diperuntukkan oleh Artikel 55 tidak begitu ketara dan boleh dimaafkan. Mahkamah berpendapat notis lapan hari sudah memadai seperti yang diperuntukkan oleh kes *Browne v La Trinidad* (1888) 37 ChD l. Notis diberi pada 18 Mei 2005 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan pada 26 Mei 2005. Dalam notis itu juga telah dinyatakan agenda mesyuarat. Mahkamah memberi kelonggaran dan memberi interpretasi yang liberal.

KEPUTUSAN MAHKAMAH

[10] Berdasarkan kepada faktor-faktor di atas, mahkamah menolak lampiran 64 dengan kos.

Lampiran 64 ditolak dengan kos.

Reported by Eugene Daniel Louis